

MELIHAT AMERIKA DARI JAUH

DARI NEW ORLEANS KE CHICAGO

(oleh Ahmad Husin)



Di Chicago ada tempat-tempat yang permai dekat tasik di mana orang pergi mandi dan bercampur dalam musim panas.

Pada hari Sabtu, pukul lapan pagi saya pun bertolak dari New Orleans dalam perjalanan ke Bandar Chicago, yang letaknya di tebing Teluk Michigan di utara Amerika Syarikat. Dalam perjalanan ke Chicago itu saya telah melau jajahan-jajahan Mississippi, Tennessee dan Kentucky. Di situ tempat dalam jajahan Kentucky dua orang ahlu permainan menunggang kuda liar, atau yang biasa digelar di Amerika “Rodeo” telah naik bas kami.

Seorang daripada mereka itu duduk di tempat kosong tepi saya. Saya memang tidak mengetahui mereka itu ahli “Rodeo”. Kerana lain daripada topi mereka yang lebar, seperti yang biasa dipakai oleh koboi, mereka itu tidak Nampak berlainan daripada orang-orang lain dalam bas tetapi, tak lama lepas ia duduk itu, orang itu pun mulai bercakap dengan saya. Mula-mulanya saya tak faham apa yang dicakapkan. Kemudian apabila ia menceritakan kisah ia

jatuh dari belakang kedua, dan kisah ia melompat naik belakang kuda liar barulah saya sedar bahawa ia sedang menceritakan permainan yang dikatakan “Rodeo” itu. Saya hanya dapat mengerti percakapannya apabila ia menyebut kisah menjerat dan menunggang kuda atau lembu liar, Tetapi lain daripada itu tak dapat saya faham. Nampaknya orang-orang “Rodeo” ini ada satu bahasa yang haruslah diketahui oleh mereka sendiri dan orang-orang yang berkenaan dengan pembelaan kuda sahaja.

Lepas ia bercerita itu ia bertanya saya berkenaan dengan kuda di negeri Mexico. Sungguhpun saya hairan sedikit mendengar pertanyaan itu tetapi saya wajib sahaja bahawa kedua di negeri Mexico semuanya bagus. Siapapun terasa bahawa orang “Rodeo” ini menyangka saya datang dari negeri Mexico yang sebenarnya tak berapa jauh dari kawasan selatan Amerika itu. Saya tidak memberitahunya yang saya bukan dari Mexico tetapi dari Tanah Melayu atau Singapura. Dalam masa ia bercerita itu saya dapat mengetahui bahawa orang ini sudah lama mengambil bahagian dalam permainan “Rodeo” itu dan telah pernah menunjukkan kepandaian dan kebenarannya dalam beberapa bandar seluruh Amerika Syarikat, termasuk juga di Madison Square Garden, New York, hingga ke Mexico. Dan lagi nampaknya orang ini mempunyai perasaan sayang kasih kepada kuda. Inilah kali pertama saya bertemu seorang manusia yang bercakap fasal kuda seolah-olah ia bercakap fasal anaknya atau adiknya. Mula-mulanya manakala ia

menceritakan kisah seekor kuda yang sangat dikasihi olehnya saya menyangka bahawa ia sedang bercakap berkenaan dengan anaknya, kerana cara ia bercerita itu ialah seperti ia menceritakan kisah manusia bukannya kusah seekor binatang. Melihat orang ini menceritakan kisahnya dan kudanya kepada saya, iaitu seorang asing dari negeri jauh yang tidak diketahui olehnya dan yang disangka datang dari Mexico itu, maka terfikirlah dalam hati saya bahawa haruslah orang-orang yang baik dan bersahabat dengan binatang itu baik juga hatinya kepada manusia.


Perjalanan saya ke Chicago itu ialah perjalanan terus; saya tak singgah di mana-mana lagi. Lewat malam Isnin saya sampai di Chicago. Inilah kali yang pertama saya melawat Chicago. Saya naik sebuah teksi lalu menyuruh drebar kereta itu bawa saya ke mana-mana hotel yang sederhana tarafnya. Masa saya sampai itu bandar Chicago sedang menjadi tumpuan seluruh dunia kerana Republican

Party hendak mengadakan perhimpunannya (*convention*) di situ dalam sehari dua jadinya hotel-hotel di Chicago hampir-hampir semuanya sudah habis disewa oleh wakil-wakil Republican dari seluruh negeri; lain daripada mereka itu ada beberapa banyak pula penulis-penulis suratkhabar, orang-orang radio dan televisyen dan pemerhati-pemerhati. Bagaimana pun drebar teksi itu telah membawa saya ke sebuah hotel dan saya bernasib baik dapat menyewa sebuah bilik yang kosong.

Esok pagi, hari Isnin, saya pun keluar berjalan-jalan. Chicago ialah Bandar yang kedua besarnya dalam Amerika Syarikat. Ia digelar “Windy City”, atau bandar berangin, penduduk bandar Chicago berjumlah lebih kurang empat million. Bandar Chicago ialah sebuah bandar pencakar langit, letaknya di tepi Tasik Michigan itu sangat cantik. Saya telah pergi berjalan pagi itu ke kebun kayu yang bernama “Green park”. Sepanjang-panjang pantai di tepi tasik Michigan. Jalan-jalan raya di sini semuanya besar-besar dan seperti



Sebahagian daripada bandar Chicago di tepi Tasik Michigan. Lihat bangunan-bangunan pencakar langit.



Pemandangan waktu malam dekat Sungai Chicago.

di New York kereta-kereta motokar melalui seperti air mengalir. Di Green Park saya lihat sebuah pancuran air “fountain” yang sangat besar. Pancuran ini bernama “Backheim Fountain”. Menurut seorang ahli jurutera yang menjaga di situ dalam masa 24 jam pancuran ini memancarkan air lebih kurang setengah million banyaknya, Dari Green Park saya pun pergi ke sekolah gambar yang bernama Phylard Museum. Muzium ini besar dan di dalamnya ada ditunjukkan jenis-jenis manusia di seluruh dunia, pada perasaan saya, lebih daripada The Museum of Natural History di New York. Lepas

itu saya melawat tempat pertunjukkan ikan atau “Aquarium” di mana boleh dilihat berjenis-jenis ikan laut dan ikan darat, tidak kecuali yang besar-besar dan yang kecil-kecil; ikan-ikan ini berenang dalam tangki-tangki yang besar.

Dalam perjalanan baik ke hotel saya beli sebuah buku berkenaan dengan Bandar Chicago. Menurut ceritanya, 123 tahun dahulu, iaitu dalam tahun 1830 Chicago ialah sebuah kampong kecil mengandungi tak sampai 11 buah rumah kayu. Sekarang Chicago ialah satu daripada pusat-pusat perniagaan dunia yang besar dan terutama. Chicago ialah

pasar lembu yang besar sekali dalam dunia. Kawasan-kawasan di sekeliling Chicago mempunyai khazanah bumi yang kaya, dan daripada penggunaan khazanah ini Chicago telah maju menjadi sebuah Bandar besar dan pusat perniagaan yang terutama. Tetapi Chicago juga telah menempuh kemalangan dalam tawarikhnya. Dalam tahun 1871 api telah merebak dalam Bandar itu selama 27 jam dan sebahagian besar telah hangus. Menurut Satu cerita kebakaran tersebut telah berlaku apabila seekor lembu menendang sebuah lampu dalam bangsal dan api telah merebak dari bangsal yang terbakar itu.

Pada hari Selasa saya pergi minum kopi dan makan pagi di sebuah kedai tak berapa jauh dari hotel. Di situ perhatian saya telah tertarik melihat seorang pelayan yang besar orang lagi tegap. Ia tak berhenti menerima pesanan makan dari orang-orang yang datang hendak makan di situ dan pesanan-pesanan itu lepas satu, satu disampaikan dengan cara berteriak kepada tukang masak di dapur dan dalam pada itu ia membawa pula kopi dan jenis-jenis makanan kepada mereka yang memintanya. Kerjanya sangat pantas dan oleh kerana sikapnya yang menggerunkan orang lelaki. Saya lihat tak ada

seorang pun di antara mereka di situ yang mencuba hendak mengorak senyum atau mencuba berbual-bual nakal dengannya. Seorang perempuan yang seperti ini saya tak pernah lihat di kedai-kedai makan di New York, tetapi di sini saya terpaksalah berkata bahawa saya tak tahu habis kedai-kedai di New York. Orang perempuan yang seperti ini ialah sebagai lelaki sikapnya, dan pada fikiran saya sekiranya ia termasuk ke dalam sesuatu pergerakan maka bolehlah diharap bahawa ia akan ada di hadapan mengambil bahagian yang paling cergas, dan pada pandangan saya siapa yang mencuba hendak mengusiknya harusla mencari penyakit yang lebih baik dielokkan.

Dekat meja saya itu ada seorang lelaki dengan dua orang perempuan, seorang di sebelah kanan dan seorang lagi di sebelah kiri, Saya lihat orang ini sedang makan sepinggan *bacon* dengan telur dan kedua orang perempuan itu merenung sahaja melihatnya sambil mengisap rokok.

Setelah habis ia makan itu ia pun melihat ke kiri dan ke kanan, dan kemudian ia memberi satu pesanan lagi kepada pelayan. Tak lama pelayan itu pun membawa lagi sepinglean bacon dengan telur kepadanya. Maka saya telah takjub melihat orang itu akan sepinglean lagi sementara perempuan yang dua orang itu pun nampaknya sama hairan melihat hal rakan mereka itu. Kemudian saya dengar seorang daripada perempuan itu berkata:

"This is success"- inilah kejayaan. Tentulah perempuan itu tak bermakna bahawa rakannya itu berkejayaan makan dua pinggan *bacon* dengan telur. Maknanya ialah bahawa yang rakannya itu mampu makan sebanyak itu, yang jarang orang membuatnya, menunjukkan bahawa ia adalah seorang yang berjaya. Apakah kejayaannya? Boleh jadi ia telah berjaya dalam satu urusan perniagaan, boleh jadi ia telah berjaya menjual gambar-gambar lukisan, boleh jadi berjaya mendapat sesuatu kerja. Tetapi, dalam sebuah Bandar yang besar seperti Chicago yang mempunyai penduduk berjuta-juta banyaknya kehidupan ialah satu perkara yang rumit yang

berbagai-bagai caranya. Bleh jadi kerana kejayaan itu susah dicapai jadi apabila dicapai nmaka patut iaitu diingatkan dan disambut dengan dua pinggan telur dan bacon.


Lepas itu saya keluar melawat Lincolns Park.

Saya berjalan kaki sahaja menurut pintu tasik Michigan.

Hari itu ialah hari panas dan banyak orang sedang menadi di tepu pintu itu, dan ada banyak juga yang membawa anak-anak mereka ke situ bermain-main dan bercampur. Sampai di Lincolns Park saya pun berjalan-jalan di dalamnya lalu berjumpa patung Abraham Lincoln. Sebab sudah letih berjalan dan berpeluh saya pun berhenti sekejap lalu duduk atas sebuah bangku. Di sini tempatnya teduh kerana banyak pohon-pohon yang rendang, dan angin bertiup dari tasik.

Ada seorang tua Amerikan yang juga sedang menghabiskan masanya duduk atas bangku itu. Saya pun mencuba

(sambungan pada muka 23)



Chicago masyhur sebagai tepat perniagaan lembu. Gambar di atas menunjukkan sebahagian daripada tempat lembu yang dipanggil "Union Stock Yards".

bercakap-cakap dengannya orang atau ini nampaknya seorang yang ramah juga. Ia bukanlah seorang Amerika jati, iaitu ia tidak diperanakkan di Amerika menurut katanya ia telah datang ke Amerika dari negeri Jerman lebih kurang 40 tahun dahulu. Dalam masa itu tempat tinggalnya ialah bandar Chicago sahaja. Daripada mulutnya saya berpeluang mendengar sedikit cerita berkenaan dengan bandar Chicago tiga empat puluh tahun dahulu.

Dari Lincolns Park saya ambil basa pergi ke sekolah gambar yang bernama "The Musium of Science and Industry" sebagai yang boleh diketahui daripada namanya itu dalam Muzium ini ada ditunjukkan berbagai-bagai alat dan pertukangan ilmu sains, Orang-orang yang melawat, beribu-ribu banyaknya, boleh menggunakan sendiri setengah daripada alat-alat itu dan mengetahui selok belok faedah telefon, televisyen. Cara melombong arang batu dan boleh dikatakan sekalian lapangan ilmu sains ada di situ. Ditunjukkan juga traktor-traktor yang besar-besar yang digunakan dalam ladang-ladang. Tidak syak lagi jika seorang itu tinggal di Chicago dan kerap melawat sekolah gambar ini maka senang sahajalah ia mendapat ilmu sains dan mendapat fahaman yang berfaedah akan kemajuan-kemajuan tikaniga zaman moden.

Petang itu saya keluar berjalan melalui Michigan Avenue. Bangunan-bangunan bergemerlapan dengan cahaya lampu seperti di New York rupanya. Saya melalui sebuah jambatan yang menyerang sungai Chicago dan dekat jambatan itu ada sebuah bangunan pencakar langit yang putih rupanya dan sangat-sangat indah dilihat pada waktu malam manakala disinari oleh lampu bangunan yang bernama "*Wrigley Building*". Jalan Michigan Avenue ini mengandungi bangunan-bangunan dan hotel-hotel yang besar, antaranya ialah Conrad Hilton Hotel yang

dikatakan hotel yang besar sekali dalam dunia oleh buku yang saya beli berkenaan dengan Chicago itu. Sebenarnya bangunan hotel itu sangatlah besar dan di dalamnya ada 3000 buah bilik. Panggung-panggung wayang gambar pun banyak dan bergemerlapan dengan lampu-lampu akln. Ada juga beberapa tempat hiburan waktu malam yang dipanggil "*nighth club*".

Seperti di New York di bandar Chicago juga ada tempat orang-orang cina berdiam, iaitu dekat jalan yang bernama Siramk Road dan Waynurith Avenue. Kedai-kedai makan Cina ada di sini serta juga kedai-kedai yang menjual barang-barang yang lazim digunakan oleh orang-orang Cina. Puak orang Filipina pun ada juga di Chicago. Tetapi dalam masa saya melawat itu saya tak berjumpa barang seorang pun daripada mereka itu. Bangsa-bangsa lain pun banyak seperti Jerman, Hungarian, Italian, Greek, Yahudi dan sebagainya, orang-orang Negro banyak di Chicago dan mereka ini tinggal dalam kawasan-kawasan yang tertentu. Di Chicago ada beberapa sekolah pelajaran tinggi, antaranya yang terkenal sekali ialah Chicago University dan North Western University, di mana, sepanjang faham penulis ada beberapa orang penuntut dari Tanah Melayu sedang mengaji.

Sekianlah bandar Chicago yang cantik letaknya itu di tepi Tasik Michigan dan yang menjadi kemegahan bagi orang-orang Amerika dalam kaawasan Timur Laut Amerika Syarikat. Sungguhpun bandar Chicago itu telah menjadi masyhur sebagai tempat perompak-perompak yang ganas tetapi pelawat-pelawat yang melihat sekolah-sekolah gambar yang besar-besar di situ seperti The Field Museum The Museum of Science and Industry, The Aquarium, akan mendapat kesan bahawa Chicago yang mempunyai sekolah-sekolah pelajaran tinggi bukan sahaja sebuah bandar perniagaan yang besar tetapi juga satu pusat pelajaran dan kebudayaan yang terutama.